

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (KULIM BANDAR BAHARU)**

**TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (KULIM BANDAR BAHARU)** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan berapa keluasan Tanah Simpanan Melayu yang ditanam padi dan berapa pula keluasan Tanah Simpanan Melayu yang lokasinya terletak di pulau-pulau atau pergunungan serta berikan statistiknya mengikut negeri.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Keluasan kawasan yang diwartakan sebagai Tanah Rizab Melayu (TRM) di Semenanjung Malaysia adalah 4,963,190.80 hektar sehingga akhir 2021. Kutipan data bagi tahun 2022 masih dalam tindakan Kementerian dengan kerjasama semua Pentadbiran Tanah Negeri.

Kementerian juga tiada maklumat mengenai kedudukan Tanah Rizab Melayu yang dikhususkan untuk penanaman padi atau lokasi TRM yang terletak di pulau-pulau. Maklumat yang diperolehi oleh Kementerian adalah daripada Pentadbiran Tanah Negeri masing-masing yang merangkumi tanah bermilik dan tanah Kerajaan.

Sekian, terima kasih.